LAPORAN TAHUNAN 2016
JPBD NEGERI SELANGOR

SIDANG REDAKSI

Penaung
TPr. Haji Muhamad Ridzuan bin Arshad

Penasihat
Tuan Haji Hassan bin Yaakob

Ketua Editor
Dr. Hjh. Noraziah binti Abdul Aziz

Sidang Editor
En. Mazlan bin Mohd
Pn.Jasmin binti Farjan Ali
Pn. Hjh. Noorsiah binti Arshad
Pn. Maizan binti Mazlan
Pn. Suzanah binti Abu Bakar @ Ithnin

Penyumbang Artikel
Tn Hj Che Rasid bin Hj Che Seman
En Mohd Zainuddin bin Jumaat
En. Rosly bin Ahmad
Pn. Norazira binti Abdul Aziz
Pn. Nen Farahana binti Ahmad Fooad
En. Nur Hisham bin Sharuddin
Pn. Rosmila binti Adnan
En. Zainal Abidin bin Abd Wahid

LAPORAN TAHUNAN 2016

DITERBITKAN OLEH:
BAHAGIAN PERANCANGAN KORPORAT
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Selangor
Tingkat 15-18, Bangunan Darul Ehsan
No.3 Jalan Indah, Seksyen 4,
40646 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan

KANDUNGAN

01 PERUTUSAN PENGARAH

02 STRATEGI KORPORAT

VISI, MISI, MOTO DAN OBJEKTIF JABATAN
PIAGAM PELANGGAN
PELAN STRATEGIK JPBD 2012-2020
BUDAYA KERJA JPBD
BUDAYA KERJA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

03 STRUKTUR ORGANISASI

04 PRESTASI KEWANGAN

05 SUMBER MANUSIA

06 PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN

07 PENCAPAIAN JABATAN

PENTADBIRAN DAN KEWANGAN
PERANCANGAN KORPORAT
RANCANGAN PEMBANGUNAN
PENGAWALAN PERANCANGAN
LEMBAGA RAYUAN NEGERI SELANGOR

08 PENGURUSAN LATIHAN

PENGURUSAN LATIHAN, KURSUS DAN TAKLIMAT
LAWATAN KE LUAR NEGARA
KUNJUNGAN PELAWAT LUAR
PERHIMPUNAN BULANAN
HARI TERBUKA SEMAKAN BUKU REKOD PERKHIDMATAN

09 PENGANUGERAHAN

10 PENGHARGAAN JABATAN

11 SELAYANG PANDANG 2016

12 LENSA 2016

01 | PERUTUSAN PENGARAH

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.....

Assalamualaikum W.B.T dan salam sejahtera,

Syukur kehadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, **Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor** telah berjaya melaksanakan fungsi dan tugas Jabatan sepanjang tahun 2016 dengan penuh kecemerlangan. Catatan kejayaan dan kecemerlangan Jabatan ini dizahirkan buat masyarakat melalui penerbitan Laporan Tahunan 2016 agar pencapaian, maklumat, aktiviti serta berita disebalik setiap kejayaan dikongsikan bersama.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua warga JPBD Negeri Selangor kerana telah berjaya di dalam melaksanakan semua tugasan yang telah dirangka pada awal tahun 2016. Sesungguhnya saya amat berbangga dengan semangat kerjasama dan keprihatinan warga Jabatan.

Dari segi pencapaian pengurusan, JPBD Negeri Selangor telah berjaya mencapai 100% piagam pelanggan yang telah ditetapkan. Pada tahun 2016, Jabatan telah mendapat **Persijilan Semula MS 9001:2008 oleh pihak SIRIM pada 17 September 2015 dan sahlaku sehingga 14 September 2018.** Jabatan masih lagi melaksanakan sepenuhnya MS ISO 9001 : 2008 kerana MS ISO Versi 2008 ini akan mengalami proses peralihan kepada Versi 2015 yang akan dijalankan pada tahun hadapan.

Jabatan telah memainkan peranan penting sebagai penasihat kepada Kerajaan Negeri berkaitan perancangan dan pembangunan melalui pengurusetiaan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor (JPNS) ke arah mewujudkan Negeri Selangor sebagai Negeri mampan dan sejahtera. Melalui mesyuarat ini, polisi-polisi dan keputusan-keputusan penting di dalam perancangan pembangunan guna tanah dibincangkan. Bagi tahun 2016, Jabatan telah mengurusetiakan sebanyak **6 kali mesyuarat** berbanding sasaran 3 kali setahun, dan sebanyak **27** kertas kerja telah dibentangkan.

Dari segi penyediaan rancangan-rancangan pemajuan, Jabatan di dalam proses penyediaan Rancangan Tempatan Kuala Langat 2030 (RTKL 2030) bagi menggantikan Rancangan Tempatan Kuala Langat 2020 (RTKL 2020) yang telah diwartakan pada 26 Mei 2011 (No Warta 1920). Jabatan juga di dalam proses penyediaan Kajian Kerangka Awal Laporan Perancangan Fizikal Negeri Selangor (KKALPFNS). Bengkel perundingan bersama pihak berkepentingan telah dijalankan pada **24 Mei 2016** dan telah membincangkan mengenai proses kajian kerangka awal kajian laporan perancangan fizikal negeri Selangor dan pembentukan kerangka pangkalan data bagi LPFNS. Disamping itu, Jabatan juga berjaya menyediakan Kajian Inventori dan Potensi Pembangunan Badan Air (Bekas Lombong). Analisis terperinci inventori badan air (bekas lombong) adalah mengikut Pihak Berkuasa Tempatan bagi tujuan verifikasi data dan memastikan kesahihan lokasi serta guna tanah kawasan badan air (bekas lombong) berkaitan.

JPBD Negeri Selangor telah berganding bahu bersama-sama 12 Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor, Jabatan-jabatan Teknikal berkaitan dan agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri dalam menyediakan **Manual Garis Panduan & Piawaian Perancangan Negeri Selangor, Edisi Ketiga (**MGPPPNS). Selari dengan prinsip perancangan bersama rakyat, peduli rakyat dan Smart Selangor proses perundingan juga mengambilkira pandangan daripada pihak pemaju, juruperunding perancang bandar, Badan Bukan Kerajaan (NGO), badan-badan profesional seperti Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP), Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM), Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM), Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) dan pihak-pihak berkepentingan.

MGPPPNS ini merangkumi kesemua aspek utama perancangan dan pemajuan hartanah yang terdiri dari perumahan, perdagangan, perindustrian, kemudahan masyarakat, aspek alam sekitar dan infrastruktur serta utiliti. Ia dipersembahkan dengan cara yang mudah dirujuk dan lebih '*user friendly*'. MGPPPNS ini akan menjadi rujukan utama dalam proses kebenaran merancang dan permohonan perancangan yang lain.

Pada tahun 2016, JPBD Negeri Selangor terus mengorak langkah dengan penuh yakin bagi mencapai beberapa kejayaan yang membanggakan dan telah menunjukkan kecemerlangan secara konsisten. Kumpulan KIK JPBD Negeri Selangor, Kumpulan Infinity telah menyertai beberapa pertandingan Program Kualiti dan Hari Inovasi samada di peringkat Antarabangsa, Kebangsaan, Kementerian, JPBD Semenanjung Malaysia dan Negeri. Jabatan telah dinobatkan dengan beberapa siri kemenangan bagi Pertandingan Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK) iaitu:

1. **Anugerah Emas** (Kategori Hak Cipta), Anugerah Harta Intelek Negara (Ahin) 2016 Kuala Lumpur pada 2 Ogos 2016.
2. **Anugerah Emas**, *World Intellectual Property Organization* (Wipo) 2016 pada 2 Ogos 2016.
3. **Anugerah Emas**, *International Convention On Quality Control Circles (ICQCC) 2016 At The Centara Grand In Bangkok, Thailand* pada 22 – 26 Ogos 2016.
4. **Anugerah Khas**, *International Convention On Quality Control Circles (ICQCC) 2016,* Majlis Apresiasi Inovasi Peringkat Negeri Selangor 2016 pada 13 Oktober 2016.
5. **Anugerah Diamond**, *International Quality & Productivity Convention* (IQPC) 2016, Bali Indonesia pada 6-10 November 2016.

Laporan tahunan ini merupakan salah satu rekod bagi proses semak dan imbang dalam menambahbaik serta memastikan pelaksanaan program Jabatan dalam semua bidang yang berkaitan mencapai sasaran yang ditetapkan. Sekaligus meningkatkan tahap kecemerlangan Jabatan.

Alhamdullillah, Saya amat bersyukur, JPBD Negeri Selangor telah menunjukkan peningkatan di dalam pencapaian prestasi di mana banyak aktiviti utama Jabatan telah dapat dilaksanakan mengikut perancangan dan sasaran kerja Jabatan. Kerjasama yang diberikan dan ditunjukkan oleh warga Jabatan adalah merupakan kunci kejayaan dalam penentu tahap kecemerlangan Jabatan.

Akhir kata, saya merakamkan ucapan terima kasih dan syabas kepada seluruh warga Jabatan yang telah memberikan komitmen yang tinggi bagi mencapai kecemerlangan sehingga ke peringkat ini. Saya juga menyeru kepada semua warga JPBD Negeri Selangor agar kita sama-sama berusaha untuk mengekalkan prestasi sedia ada dan bersungguh-sungguh untuk terus mempertingkatkan produktiviti Jabatan bagi mencapai kesemua program Jabatan seperti yang telah dirangka pada awal tahun. Diharapkan semua usaha murni ini diteruskan untuk membantu Jabatan dalam terus mencipta kejayaan di masa akan datang.

Ke Arah Persekitaran Mampan

(TPr. HJ. MUHAMAD RIDZUAN BIN. ARSHAD)
Pengarah,
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Negeri Selangor.

02 | STRATEGI KORPORAT

VISI, MISI, MOTO DAN DASAR KUALITI JABATAN

Visi

Menjadi Peneraju Perancangan Bandar Dan Desa Ke Arah Mewujudkan Persekitaran Kehidupan Yang Berkualiti, Sejahtera Dan Mampan Menjelang 2020

Misi

Memacu Perancangan Fizikal Negara Melalui Pelaksanaan Dan Pemantauan Perancangan Pembangunan Yang Komprehensif, Sistematik Dan Inovatif Ke Arah Kesejahteraan Masyarakat

Dasar Kualiti Jabatan

Menjadikan JPBD Negeri Selangor sebagai pusat bagi perkhidmatan perancangan bandar dan desa yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Objektif Jabatan

i. Untuk mengukuhkan pembangunan fizikal, sosial dan ekonomi di kawasan bandar dan desa bagi meningkatkan taraf kehidupan penduduk selaras dengan matlamat negeri dan negara;

ii. Untuk mengatur, mengawal dan menyelaras pemajuan, penggunaan dan pemuliharaan tanah melalui perlaksanaan berkesan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 dan akta-akta berkaitan;

iii. Untuk melaksanakan dan memastikan pemakaian berkesan kaedah, dasar, pelan dan garis panduan perancangan oleh semua agensi di semua peringkat perancangan; dan

iv. Untuk menjadi penasihat utama dalam perancangan bandar dan desa kepada Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan serta agensi-agensi yang berkenaan.

PIAGAM PELANGGAN

Matlamat

Pewujudan Persekitaran Yang Berkualiti Dan Sejahtera Di Negeri-Negeri Melalui Perkhidmatan Perancangan Bandar Dan Desa Yang Berkualiti, Sejahtera Dan Mampan Menjelang 2020

- **Piagam Pelanggan 1**
  Mengurusetiakan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri tiga (3) kali setahun

- **Piagam Pelanggan 2**
  Memberi ulasan perancangan tidak melebihi empat belas (14) hari

- **Piagam Pelanggan 3**
  Memastikan Rancangan Struktur Negeri (RSN) dikaji semula dalam tempoh lima (5) tahun selepas pewartaan

- **Piagam Pelanggan 4**
  Menyelaras penyediaan RT dan RKK serta memantau perlaksanaannya berdasarkan Program Rancangan Malaysia lima (5) Tahun

- **Piagam Pelanggan 5**
  Mengadakan mesyuarat dengan ketua unit pusat setempat dua (2) kali setahun

- **Piagam Pelanggan 6**
  Menyampaikan keputusan bertulis lembaga rayuan kepada perayu dan responden dalam tempoh sepuluh (10) hari dari tarikh keputusan diterima daripada pengerusi lembaga rayuan

- **Piagam Pelanggan 7**
  Membekal maklumat perancangan (kategori tidak berperingkat) dalam tempoh lima (5) hari

- **Piagam Pelanggan 8**
  Memberi layanan kaunter dengan berbudi bahasa dalam tempoh lima (5) minit

PELAN STRATEGIK JPBD 2012-2020

Pelan Strategik JPBD 2012-2020 yang sebelum ini dikenali sebagai Rancangan Strategik JPBD 920 (RSJ 920) merupakan satu hala tuju baru ke arah mempertingkatkan dan memperkasakan perkhidmatan sebagai peneraju perancangan bandar dan desa yang terunggul, relevan dan signifikan dalam pembangunan negara.

6 Teras Strategik dan 6 Bidang Keberhasilan Utama (KRA) telah digariskan iaitu:

TERAS STRATEGIK 1 : Mempertingkatkan keberkesanan perancangan dan pengurusan pembangunan guna tanah ke arah kesejahteraan komuniti

KRA 1 **:** *Pembangunan guna tanah ke arah kesejahteraan komuniti*

TERAS STRATEGIK 2 : Memantapkan penyelidikan dan pembangunan bagi mempromosi amalan perancangan terbaik ke arah produk bertaraf dunia

KRA 2 **:** *Penyelidikan dan pembangunan ke arah produk bertaraf dunia*

TERAS STRATEGIK 3 : Meningkatkan pematuhan kepada perancangan pembangunan untuk memastikan persekitaran kehidupan yang berkualiti dan mampan

KRA 3 **:** *Pematuhan kepada perancangan pembangunan*

TERAS STRATEGIK 4 : Memperkasakan pengurusan maklumat guna tanah negara ke arah perancangan guna tanah yang berkesan dan sistematik

KRA 4 **:** *Memperkasakan maklumat guna tanah negara*

TERAS STRATEGIK 5 : Mempertingkatkan kerjasama strategik bagi memperkasakan peranan dan fungsi JPBD Semenanjung Malaysia

KRA 5 **:** *Kerjasama strategik*

TERAS STRATEGIK 6 : Memantapkan pembangunan kapasiti organisasi ke arah melonjakkan kecekapan dan keberkesanan JPBD Semenanjung Malaysia

KRA 6 **:** *Pembangunan kapasiti organisasi*

Bagi tujuan perlaksanaan, Pelan strategik ini disokong dengan pelan tindakan yang menjelaskan strategi, program, petunjuk prestasi, sasaran dan pihak pelaksana.

BUDAYA KERJA JPBD

AMALAN 10 K

1 KETAQWAAN
Taat perintah Allah dan bekerja sebagai satu amalan ibadah

2 KOMITMEN
Menjalankan tugas-tugas dengan penuh iltizam bagi mencapai objektif dan wawasan Jabatan

3 KEINDAHAN
Cinta kepada keindahan rohani dan fizikal dalam amalan perancangan

4 KONSISTENSI
Melaksanakan tugas-tugas secara konsistensi bagi mencapai kecekapan dan kredibiliti Jabatan

5 KESOPANAN
Mengamalkan sifat hormat-menghormati, toleransi dan muafakat bagi mewujudkan organisasi yang mesra di kalangan kakitangan dan pelanggan

6 KEMESRAAN
Mewujudkan suasana kemesraan dan kekeluargaan di kalangan semua lapisan pegawai

7 KEBOLEHPERCAYAAN
Amanah dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan

8 KECEMERLANGAN
Sentiasa berusaha untuk menjadikan Jabatan sebagai Pusat Kecemerlangan dalam perkhidmatan perancangan bandar dan desa

9 KREATIVITI & INOVASI
Melahirkan idea-idea dan berinovasi

10 KESEGERAAN
Sentiasa peka, responsif dan cepat dalam mencari penyelesaian

BUDAYA KERJA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Pendekatan 6M menjadi pasak kepada kejayaan Dasar Bina Insan, diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri untuk membentuk penjawat awam Negeri Selangor yang beramanah, tinggi jati diri, berlitizam tinggi dan persekitaran penyampaian perkhidmatan yang berkualiti

FORMULA 6M

1 MUSYARATAH
Berjanji untuk mencapai kejayaan demi menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan bagi memastikan organisasi menjadi yang cemerlang

2 MURAQABAH
Melaksanakan janji dengan taat, tidak menyeleweng, tidak melakukan rasuah, tidak menyalah guna kuasa dan sebagainya

3 MUHASABAH
Menilai diri, kekuatan dan kelemahan serta menambahbaik prestasi diri secara berterusan

4 MU'AQOBAH
Bertanggungjawab meningkatkan kekuatan dan ketabahan serta ketekunan di dalam mencapai sasaran / matlamat yang ditetapkan melalui usaha-usaha yang berterusan

5 MUJAHADAH
Berusaha dengan bersungguh-sungguh melalui kerja kuat, dedikasi, ikhlas dan jujur

6 MU'ATABAH
Berusaha memurnikan diri dengan menghindar, menghakis dan mencela segala sifat-sifat buruk dan jahat dalam diri masing-masing

03 | CARTA ORGANISASI

04 | PRESTASI KEWANGAN

PRESTASI KEWANGAN

Jabatan menerima peruntukan dari Kerajaan Negeri bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti Jabatan di bawah Peruntukan Vot Mengurus dan Peruntukan Vot Pembangunan

Bagi Tahun 2016, Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan peruntukan sebanyak RM 11,855,893.00 kepada Jabatan. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM 8,855,893.00 diperuntukkan di bawah Vot Mengurus, manakala selebihnya sebanyak RM 3,000,000.00 di bawah Vot Pembangunan. Bagi tahun 2016, jabatan telah membelanjakan sebanyak RM 8,624,726.72 bagi Vot mengurus dan RM 2,978,146.74 bagi Vot pembangunan.

OBJEK	PERUNTUKAN RM	PERBELANJAAN RM	PERATUS (%)
Perbelanjaan Vot Mengurus (B16)	8,855,893.00	8,624,726.72	97.38
Perbelanjaan Vot Pembangunan (P16)	3,000,000.00	2,978,146.74	99.27

05 | SUMBER MANUSIA

Perjawatan

Pada tahun 2016, jumlah perjawatan bagi semua lapisan pegawai di JPBD Negeri Selangor adalah seramai 108 orang. Daripada jumlah tersebut sebanyak 97 jawatan telah diisi manakala 11 jawatan masih kosong. Jabatan juga turut di bantu oleh 11 orang pegawai lantikan kontrak.

STATUS PERJAWATAN DI JPBD SELANGOR SEHINGGA DISEMBER 2016

JAWATAN	KEDUDUKAN BILANGAN JAWATAN		
	Bil. Jawatan Yang Diluluskan	Bil.Jawatan Yang Diisi	Jawatan Yang Masih Kosong
Pengarah, Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred Utama C	1	1	0
Timbalan Pengarah, Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J52	1	1	0
Ketua Penolong Pengarah, Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J48	2	2	0
Penolong Pengarah Kanan, Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J44	2	2	0
Penolong Pengarah, Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J41/J44	7	7	0
Penolong Pengarah Kanan, Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41/M44	1	1	0
Pen. Peg. Perancang Bandar dan Desa Tertinggi Gred JA38	2	0	2
Pen. Peg. Perancang Bandar dan Desa Kanan Gred JA36	5	5	0
Pen. Peg. Perancang Bandar dan Desa Gred JA29/JA36 (TBK13 Tahun)	40	35	5
Pen. Peg. Perancang Bandar dan Desa Gred JA29/JA36 (TBK13 Tahun) Khas Untuk Penyandang	12	12	0
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F29	1	1	0
Pem. S/U Pejabat/Setiausaha Pejabat Gred N17/N22/N27/N28/N32	1	1	0
Penolong Pegawai Tadbir Gred N27/N32 (TBK 13 Tahun)	1	0	1
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22	1	1	0
Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W22	1	0	1
Pelukis Pelan Kej. Awam/Penolong Jurutera JA29/JA30/JA36	2	2	0
Pelukis Pelan Kej. Awam/Penolong Jurutera JA29/JA30 KUP	-	-	-
Pelukis Pelan Sni Bina/Pen. Peg. Seni Bina Gred JA17/JA22 (TBK 13 Tahun)	7	5	2
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17/N22 (TBK 13 Tahun)	9	8	1

JAWATAN	KEDUDUKAN BILANGAN JAWATAN		
	Bil. Jawatan Yang Diluluskan	Bil.Jawatan Yang Diisi	Jawatan Yang Masih Kosong
Pem. Tadbir Gred (P/O) N17/N22 TBK 13 Tahun(KUP) Jumud	2	2	0
Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W17/W22 (TBK 13 Tahun)	2	2	0
Penghantar Notis Gred N11 / N14 (TBK 13 Tahun)	1	1	0
Pemandu Kenderaan Gred H11/H14 (TBK 13 Tahun)	3	2	1
Pembantu Operasi Gred N11/H14 (TBK 13 Tahun)	4	3	0
JUMLAH	**108**	**97**	**11**

PERLANTIKAN PEGAWAI BARU

BIL.	NAMA	JAWATAN / GRED	TARIKH LANTIKAN
1.	EN. MUHAMMAD IZZAT BIN CHIARIL ANUAR	PEMANDU KENDERAAN (H11)	16 OGOS 2016
2.	EN. ABDUL BARI BIN KASMANI	PEMANDU KENDERAAN (H11)	16 OGOS 2016
3.	PN. SITI ZULAIKHA BINTI MOHD RADZI	PEMBANTU TADBIR (N19)	1 NOVEMBER 2016

PERTUKARAN MASUK PEGAWAI

BIL.	NAMA	JAWATAN / GRED	PERTUKARAN DARI	TARIKH MASUK KE JPBD NEGERI SELANGOR
1.	TN. HJ CHE RASID BIN HJ CHE SEMAN	PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA (J48)	LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI	18 JANUARI 2016
2.	EN. MAZLAN BIN MOHD	PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA (J41)	BHG, KORPORAT JPBD SEMENANJUNG MALAYSIA	18 JANUARI 2016
3.	TN. HJ MUHAMAD RIDZUAN BIN ARSHAD	GRED UTAMA C (MEMANGKU)	RANCANGAN PEMBANGUNAN JPBD SEMENANJUNG MALAYSIA	15 FEBRUARI 2016
4.	PN. MAZNAH BINTI MARZUKI	PEMBANTU TADBIR (N19)	PEJABAT DAERAH PETALING	15 NOVEMBER 2016
5.	PN. NORERNEZA BINTI MOHD AYOB	PEMBANTU TADBIR (N19)	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	15 NOVEMBER 2016

PERTUKARAN KELUAR PEGAWAI

BIL.	NAMA	JAWATAN / GRED	TEMPAT PERTUKARAN	TARIKH PERTUKARAN
1.	PN.NAZLEE BINTI MUSINAN	PEMBANTU TADBIR (N19)	PEJABAT TANAH DAN GALIAN	16 SEPTEMBER 2016
2.	PN. NORLELA BINTI NORDIN	PEMBANTU TADBIR (N19)	AUDIT DALAM (SUK)	1 NOVEMBER 2016

PERSARAAN PEGAWAI

BIL.	NAMA	JAWATAN / GRED	TARIKH LANTIKAN	TARIKH BERSARA
1.	EN. MOHD DORNI B. DAHALAN	PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA (JA29)	2 JANUARI 1980	15 JANUARI 2016
2.	TN. HJ MASRI BIN MD.NASIR	PEMBANTU AM PEJABAT (N11)	1 NOVEMBER 1975	28 FEBRUARI 2016
3.	EN. JAAFAR BIN AWI	PEMBANTU AM PEJABAT (N11)	28 NOVEMBER 1975	15 JUN 2016

06 | PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN

Secara keseluruhannya, pada tahun 2016, JPBD Negeri Selangor telah melaksanakan kesemua piagam pelanggan dan telah mencapai 100% kesemua piagam pelanggan yang telah ditetapkan.

PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN JPBD NEGERI SELANGOR DARI JANUARI SEHINGGA DISEMBER 2016

Piagam Pelanggan	Pencapaian (Peratus)
Piagam Pelanggan 1 Mengurusetiakan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri tiga (3) kali setahun	**100%**
Piagam Pelanggan 2 Memberi ulasan perancangan tidak melebihi empat belas (14) hari	**100%**
Piagam Pelanggan 3 Memastikan Rancangan Struktur Negeri (RSN) dikaji semula dalam tempoh lima (5) tahun selepas pewartaan	**100%**
Piagam Pelanggan 4 Menyelaras penyediaan RT dan RKK serta memantau perlaksanaannya berdasarkan Program Rancangan Malaysia lima (5) Tahun	**100%**
Piagam Pelanggan 5 Mengadakan mesyuarat dengan ketua unit pusat setempat dua (2) kali setahun	**100%**
Piagam Pelanggan 6 Menyampaikan keputusan bertulis lembaga rayuan kepada perayu dan responden dalam tempoh sepuluh (10) hari dari tarikh keputusan diterima daripada pengerusi lembaga rayuan	**100%**
Piagam Pelanggan 7 Membekal maklumat perancangan (kategori tidak berperingkat) dalam tempoh lima (5) hari	**100%**
Piagam Pelanggan 8 Memberi layanan kaunter dengan berbudi bahasa dalam tempoh lima (5) minit	**100%**



NOTA:

PP1: Mengurusetiakan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri tiga (3) kali setahun
PP2: Memberi ulasan perancangan tidak melebihi empat belas (14) hari
PP3: Memastikan Rancangan Struktur Negeri (RSN) dikaji semula dalam tempoh lima (5) tahun selepas pewartaan
PP4: Menyelaras penyediaan RT dan RKK serta memantau perlaksanaannya berdasarkan Program Rancangan Malaysia lima (5) Tahun
PP5: Mengadakan mesyuarat dengan ketua unit pusat setempat dua (2) kali setahun
PP6: Menyampaikan keputusan bertulis lembaga rayuan kepada perayu dan responden dalam tempoh sepuluh (10) hari dari tarikh keputusan diterima daripada pengerusi lembaga rayuan
PP7: Membekal maklumat perancangan (kategori tidak berperingkat) dalam tempoh lima (5) hari
PP8: Memberi layanan kaunter dengan berbudi bahasa dalam tempoh lima (5) minit

07 | PENCAPAIAN JABATAN

PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Perhimpunan Bulanan Jabatan

Perhimpunan Bulanan Jabatan dilaksanakan secara penggiliran dimana setiap bahagian di JPBD Negeri Selangor akan menjadi urusetia perhimpunan ia bertujuan untuk mencungkil bakat-bakat pengacaraan majlis dikalangan warga Jabatan. Pada Tahun 2016, Jabatan telah mengadakan Perhimpunan Bulanan sebanyak **8 kali**.

BULAN	TARIKH
Januari	27 Januari 2016
Februari	24 Februari 2016
Mac dan April	22 April 2016
Mei	25 Mei 2016
Jun	29 Jun 2016
Julai	27 Julai 2016
Ogos	26 Ogos 2016
September dan Oktober	31 Oktober 2016

Hari Terbuka Semakan Buku Rekod Perkhidmatan

Program Hari Terbuka Semakan Buku Rekod Perkhidmatan telah diadakan bertujuan untuk memberi peluang kepada semua lapisan pegawai membuat semakan buku rekod perkhidmatan masing-masing. Hari Terbuka Buku Rekod Perkhidmatan diadakan mengikut Bahagian bagi **memudah dan mempercepatkan proses penyemakan dan pengemaskinian**.

Hari Terbuka Semakan Buku Rekod Perkhimatan Bil. 1/2016 : 21 dan 22 November 2016

PERANCANGAN KORPORAT

Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor

Bagi melaksanakan Seksyen 4(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa,1976 (Akta 172) Ahli-Ahli Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor yang dilantik adalah seperti berikut :

AHLI-AHLI JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR TAHUN 2016

BIL	PORTFOLIO / JABATAN	NAMA
1.	Dato' Menteri Besar Selangor	Y.A.B Tuan Mohamed Azmin bin Ali **(Pengerusi)**
2.	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar)	Y.B Tuan Ir. Iskandar bin Abdul Samad **(Timbalan Pengerusi)**
3.	Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	Y.B Dato' Hj. Mohd Amin Bin Ahmad Ahya
4.	Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor	Y.B Dato' Haji Nik Suhaimi bin Nik Sulaiman
5.	Pegawai Kewangan Negeri Selangor	Y.B Dato' Noordin bin Sulaiman
6.	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian & Perdagangan, Industri Kecil & Sederhana (IKS) dan Pengangkutan)	Y.B Dato' Teng Chang Khim
7.	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu & Warisan Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi)	Y.B Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi
8.	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna)	Y.B Pn. Elizabeth Wong Keat Ping

BIL	PORTFOLIO / JABATAN	NAMA
9.	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur Awam, Permodenan Pertanian & Industri Asas Tani)	Y.B Tuan Zaidy bin Abdul Talib
10.	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan, Pemutihan Kilang Haram & Pembangunan Kampung Baru)	Y.B Tuan Ean Yong Hian Wah
11.	Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (Timbalan SUK Pembangunan)	Tn. Nor Azmie B. Diron
12.	Pengarah Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor	Tn. Ahmad Suaidi B. Abd. Rahim
13.	Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor	
14.	Pengarah Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor	Y. Bhg. Dato' Mohd Rosli b. Ramli
15.	Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor	Puan Siti Zaleha bt Ibrahim
16.	Pengarah Jabatan Pengairan & Saliran Negeri Selangor	Tn. Hashim bin Osman
17.	Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Selangor	Y. Bhg. Tn. Mohamad Idrus b. Abd. Hamid
18.	Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor	**Tn. Hj. Muhammad Ridzuan B. Arshad (Setiausaha)**

Perlaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor

Pada Tahun 2016, JPBD Negeri Selangor telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor (JPNS) sebanyak **6 kali** iaitu:

BIL MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT	BILANGAN KERTAS
Mesyuarat JPNS Bil. 1/2016	12 Februari 2016	Kertas mengenai dasar : 0 Kertas rancangan pemajuan : 1 Kertas pengawalan perancangan : 1 Kertas mengenai Keputusan / Arahan / Makluman : 2 **Jumlah kertas : 4**
Mesyuarat JPNS Bil. 2/2016	19 April 2016	Kertas mengenai dasar : 0 Kertas rancangan pemajuan : 1 Kertas pengawalan perancangan : 0 Kertas mengenai Keputusan / Arahan / Makluman : 3 **Jumlah kertas : 4**
Mesyuarat JPNS Bil. 3/2016	7 Jun 2016	Kertas mengenai dasar : 0 Kertas rancangan pemajuan : 1 Kertas pengawalan perancangan : 0 Kertas mengenai Keputusan / Arahan / Makluman : 3 **Jumlah kertas : 4**
Mesyuarat KHAS JPNS Bil. 1/2016	29 Julai 2016	Kertas mengenai dasar : 0 Kertas rancangan pemajuan : 2 Kertas pengawalan perancangan : 0 Kertas mengenai Keputusan / Arahan / Makluman : 0 **Jumlah kertas : 2**
Mesyuarat JPNS Bil. 4/2016	22 September 2016	Kertas mengenai dasar : 0 Kertas rancangan pemajuan : 1 Kertas pengawalan perancangan : 1 Kertas mengenai Keputusan / Arahan / Makluman : 4 **Jumlah kertas : 6**
Mesyuarat JPNS Bil. 5/2016	5 Disember 2016	Kertas mengenai dasar : 0 Kertas rancangan pemajuan : 2 Kertas pengawalan perancangan : 1 Kertas mengenai Keputusan / Arahan / Makluman : 4 **Jumlah kertas : 7**
JUMLAH KESELURUHAN KERTAS DIBENTANG DALAM MESYUARAT JPNS DARI FEBRUARI 2016 HINGGA DISEMBER 2016		Kertas mengenai dasar : 0 Kertas rancangan pemajuan : 8 Kertas pengawalan perancangan : 3 Kertas mengenai Keputusan / Arahan / Makluman : 16 **JUMLAH KERTAS : 27**

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal-Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor

BIL	MESYUARAT JKT - JPNS	TARIKH MESYUARAT	BILANGAN KERTAS PERMOHONAN
1.	**JKT-JPNS BIL.1/2016**	15 Januari 2016	6
2.	**JKT-JPNS BIL.2/2016**	19 Januari 2016	6
3.	**JKT-JPNS BIL.3/2016**	30 Mac 2016	7
4.	**JKT-JPNS BIL.4/2016**	20 Mei 2016	8
5.	**JKT-JPNS BIL.5/2016**	18 Julai 2016	10
6.	**JKT-JPNS BIL.6/2016**	9 September 2016	Kertas Bil 1/6/2016 Kertas Bil 2/6/2016
7.	**JKT-JPNS BIL.7/2016**	14 Oktober 2016	5
8.	**JKT-JPNS BIL.8/2016**	15 November 2016	3
		JUMLAH KERTAS	**47**

Retreat Bahagian Perancangan Korporat

Retreat Bahagian Perancangan Korporat telah diadakan pada **2 hingga 4 Mac 2016** bertempat di Amverton Cove And Golf Resort, Pulau Carey. *Retreat* ini diadakan adalah untuk merancang dan menyelaras sasaran kerja tahunan yang melibatkan semua lapisan pegawai bagi setiap unit.

Sesi perbincangan bersama Tuan Pengarah dan Ketua Penolong Pengarah Bahagian Perancangan Korporat

Sesi bergambar bersama Tuan Pengarah

Mesyuarat Rancangan Kerja Korporat

Pada 16 hingga 18 November 2016 jabatan telah mengadakan **Mesyuarat Rancangan Kerja Korporat** di **Amverton Cove Golf and Island Resort, Pulau Carey, Selangor.** Mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk membentangkan pencapaian sasaran kerja tahunan sediada dan merangka perancangan kerja bagi tahun berikutnya. Mesyuarat ini melibatkan pegawai peringkat pengurusan dan urusetia.

Sesi perbincangan sedang berlangsung.

Terbitan Buletin Rancang

Penerbitan **Buletin Rancang** ini selaras dengan perenggan 4(4)(c), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (akta 172) yang telah diperuntukkan sebagai salah satu fungsi Jawatankuasa Perancang Negeri iaitu mengusahakan penyiaran buletin yang berhubungan dengan perancangan bandar dan desa dan keputusan-keputusan yang telah dicapai oleh jawatankuasa.

Buletin Rancang ini merupakan satu laporan yang boleh dijadikan rujukan khas oleh semua pihak berkepentingan. Buletin Rancang Bil. 1/2016 ini mengandungi kertas-kertas dasar yang telah diterima di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri Selangor bagi Ogos 2015 hingga Disember 2016.

Secara keseluruhannya, bagi Ogos 2015 hingga Disember 2016 terdapat 44 kertas mesyuarat telah dibentangkan yang merangkumi 1 kertas berkaitan dasar/garis panduan, 17 kertas berkaitan penyediaan rancangan pemajuan, 5 kertas berkaitan pengawalan perancangan dan 21 kertas berkaitan arahan/makluman.

MS ISO 9001 : 2008

Mengikut rekod, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor telah mendapat **Persijilan Semula MS 9001:2008 oleh pihak SIRIM pada 17 September 2015 dan sahlaku sehingga 14 September 2018 dengan No. Pendaftaran Sijil MY-AR 4138.**

Sepanjang Tahun 2016, **Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor** masih lagi melaksanakan sepenuhnya MS ISO 9001 : 2008. Ini adalah kerana MS ISO Versi 2008 ini akan mengalami proses peralihan kepada Versi 2015 yang akan dijalankan pada tahun hadapan.
Pihak SIRIM QAS telah mengadakan Audit Pemantauan pada 27 dan 28 September 2016.

Melalui proses audit tersebut, sebanyak **(16) Peluang Cadangan Penambahbaikan** (OFI) dicadangkan dan pihak SIRIM QAS telah mengesyor dan memperakui bahawa Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor masih mematuhi segala prosedur dan keperluan MS ISO 9001:2008.

Bagi menggapai kejayaan ini, **Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor** telah mengambil beberapa tindakan seperti berikut:-

BIL.	TINDAKAN	TARIKH
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan MS ISO 9001:2008 Bil. 1/2016 telah memutuskan untuk mengekalkan prosedur-prosedur Kualiti yang telah dikuatkuasakan memandangkan prosedur tersebut masih relevan dengan keperluan tugasan semasa.	19.5.2016
2.	Pemeriksaan Audit Dalaman ke atas Prosedur dan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 oleh Pasukan Audit Dalaman jabatan telah di adakan selama 3 hari.	20 – 22.7.2016
3.	Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan JPBDNS Bil. 1/2016 telah diadakan bagi melaporkan hasil penemuan daripada semakan Audit Dalaman dan Audit Susulan serta melaporkan kajian semula bagi enam (6)laporan berkaitan Sistem Pengurusan Kualiti jabatan yang telah dijalankan sepanjang tahun 2015	26.8.2016
4.	Semakan Audit Pemantauan MS ISO 9001:2008 oleh pihak SIRIM	27 – 28.9.2016

Sesi semakan dokumen sedang dijalankan

Penyampaian cenderahati kepada Juru Audit SIRIM

Pembangunan Mampan

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal MURNInets Bil.1/2016 dan sesi kemasukan data MURNInets diadakan di Pullman Hotel dan Resort, Putrajaya bertarikh 28 April 2016.

Hari Bertemu Pelanggan

JPBD Negeri Selangor telah menyertai Program Hari Bertemu Pelanggan Peringkat Pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Bil.2/2016.

Tarikh : 10 dan 11 November 2016
Tempat : IOI Mall, Puchong

Sesi bergambar bersama Tuan Pengarah dan urusetia program

Gambar sekitar kawasan pameran

Program Sebaran Dasar Perancangan JPBD Selangor

Program ini diadakan adalah bertujuan untuk memberi pendedahan dan hebahan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan kakitangan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor berkaitan dasar-dasar perancangan yang telah digubal dan digunapakai diperingkat negeri dan JPBD Semenanjung Malaysia.

Tarikh	:	7 Disember 2016
Tempat	:	Bilik Persidangan, Tingkat 18 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor

Sesi semakan dokumen sedang dijalankan

Sesi taklimat berkaitan sebaran dasar

Para peserta bergambar bersama pembentang

RANCANGAN PEMBANGUNAN

Retreat Bahagian Rancangan Pembangunan

Retreat Bahagian Rancangan Pembangunan telah diadakan pada **17 hingga 19 Februari 2016** bertempat di **Concorde Inn, Klia, Sepang,Selangor.** *Retreat* ini diadakan adalah untuk merancang dan menyelaras sasaran kerja tahunan yang melibatkan semua lapisan pegawai bagi setiap unit.

Bergambar bersama Tuan Pengarah dan Timbalan Pengarah

Pendekatan Kajian Rancangan Tempatan Kuala Langat 2030

Rancangan Tempatan Kuala Langat 2030 (RTKL 2030) disediakan bagi menggantikan Rancangan Tempatan Kuala Langat 2020 (RTKL 2020) yang telah diwartakan pada 26 Mei 2011 (No Warta 1920). RTKL 2020 ini akan tamat pada tahun 2020 dan memberi kesan terhadap perancangan guna tanah di Kuala Langat. Penyediaan RTKL 2030 ini adalah selaras dengan Sub-seksyen 16(1) dan 16(2) peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172).



Kajian ini adalah di bawah RMK-11 dimana tempoh kajian RTKL 2030 mengambil masa selama 12 bulan iaitu dari April 2016 sehingga April 2017. Peringkat utama kajian adalah seperti berikut :

i. **Laporan Pendekatan Kajian (2016)**
ii. **Laporan Analisa dan Strategi Pembangunan (2016)**
iii. Laporan Awal Draf RTKL 2030 (2017)
iv. Laporan Draf Akhir RTKL 2030 (2017)

Kajian Kerangka Awal Laporan Perancangan Fizikal Negeri Selangor (KKALPFNS)

Bengkel perundingan bersama pihak berkepentingan telah dijalankan pada **24 Mei 2016** bertempat di **Setia City Convention Centre.** Bengkel ini telah membincangkan mengenai proses kajian kerangka awal kajian laporan perancangan fizikal negeri selangor, jadual kerja kajian kerangka, pembentukan kerangka awal dan pembentukan kerangka pangkalan data bagi LPFNS.

Kajian Inventori dan Potensi Pembangunan Badan Air (Bekas Lombong)

Secara keseluruhannya, penyediaan Kajian Inventori dan Potensi Pembangunan Badan Air (Bekas Lombong) ini terdiri daripada tiga peringkat utama dan mengambil masa selama enam bulan termasuk proses penyediaan laporan-laporan, maklumat inventori bekas lombong, penyediaan pelan indikatif GIS, dan cadangan am potensi pembangunan. Kajian adalah dari bulan **April hingga Oktober 2016.** Laporan ini disediakan mengikut daerah. Kajian mendapati tujuh (7) buah daerah di Negeri Selangor yang mempunyai badan air (bekas lombong) iaitu **Daerah Gombak, Petaling, Hulu Selangor, Kuala Langat, Hulu Langat, Sepang dan Kuala Selangor.** Dua lagi daerah iaitu Daerah Kelang dan Daerah Sabak Bernam tiada kawasan badan air (bekas lombong).

FGD 1
Verifikasi Data Bekas Lombong Siri I
10 Mei 2016
Philea Resort, The Mines
Peserta
Sepuluh (10) PBT
Tujuh (7) PDT
Agensi Teknikal
JPBD Selangor
Perunding

FGD 2
Verifikasi Data Bekas lombong Siri II
24 Ogos 2016
Intekma Resort, Shah Alam
Peserta
Sepuluh(10) PBT
Tujuh (7) PDT
Agensi Teknikal
JPBD Selangor
Perunding

FGD 3
Pengesahan Status Pemilikan Tanah
9 September 2016
Intekma Resort, Shah Alam
Peserta
Tujuh(7) PBT
Empat (4) PDT
JPBD Selangor
Perunding

Analisis terperinci inventori badan air (bekas lombong) adalah mengikut Pihak Berkuasa Tempatan bagi tujuan verifikasi data dan memastikan kesahihan lokasi serta guna tanah kawasan badan air (bekas lombong) berkaitan. Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat adalah **Majlis Perbandaran Selayang dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya untuk Daerah Gombak, Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Majlis Perbandaran Subang Jaya untuk Daerah Petaling, Majlis Daerah Hulu Selangor, Majlis Daerah Kuala Langat, Majlis Perbandaran Kajang untuk Daerah Hulu Langat, Majlis Perbandaran Sepang dan Majlis Daerah Kuala Selangor.**

Potensi Pembangunan dan Peratus Status Hakmilik Tanah Bekas Lombong

PBT	Potensi Pembangunan	Peratus Hakmilik Tanah Kerajaan	Peratus Hakmilik Tanah Persendirian
MP Selayang	Perbandaran, Rekreasi, Pertanian	34	66
MP Ampang Jaya	Perbandaran, Rekreasi	0	100
MB Petaling Jaya	Perbandaran, Rekreasi	33	67
MP Subang Jaya	Perbandaran, Rekreasi	39	61
MD Hulu Selangor	Pertanian, Perumahan,Takungan Air	14	86
MD Kuala Langat	Perbandaran, Rekreasi, Pertanian	17	83
MP Kajang	Perbandaran, Rekreasi, Pertanian	17	83
MP Sepang	Perbandaran, Rekreasi, Pertanian	73	27
MD Kuala Selangor	Kolam Takungan Air	0	100

Permatang Kuarza Gombak Selangor (PKGS)

Langkah awal kearah pengiktirafan sebagai tapak warisan kebangsaan telahpun dimulakan pada 26hb Jun 2013, melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) telah menimbangkan dan meluluskan cadangan pencalonan Permatang Kuarza Gombak Selangor (PKGS) sebagai Tapak Warisan Kebangsaan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005.

Borang Penamaan Sebagai Warisan Kebangsaan (Borang E) telahpun dikemukakan kepada Pesuruhjaya Jabatan Warisan Negara (JWN) untuk pertimbangan selanjutnya. Sehinggan kini , dimaklumkan Jabatan Warisan Negara telah menghantar Notis Niat di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 kepada pemilik tanah di zon teras bagi memberitahu akan tapak Permatang Kuarza Gombak Selangor (PKGS) ini akan dijadikan Tapak Warisan Kebangsaan dan juga Tapak Warisan Dunia (UNESCO).

Pada 31hb Januari 2017, Jabatan Warisan Negara telah menghantar *'Tentative List'* bagi Tapak Permatang Kuarza Gombak Selangor (PKGS) dan Tapak FRIM Selangor Forest Park kepada urusetia UNESCO untuk memberitahu akan hasrat tapak ini bagi dijadikan sebagai Tapak Warisan Dunia.

Kerajaan negeri dengan kerjasama agensi – agensi berkaitan telah proaktif untuk menyediakan beberapa penerbitan dan kajian-kajian yang berkaitan bagi membuktikan pengukuhan kepada Nila Keunggulan Sejagat '*Universal Outstanding Value*' (OUV) terhadap tapa PKGS ini. Penerbitan dan kajian –kajian tersebut adalah seperti berikut :

I. Kajian Saintitifk Permatang Kuarza Gombak Selangor (PKGS) dengan kerjasama Institut Kajian Bencana Asia Tenggara (SEADPRI) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM);
II. Kajian Penilaian Saintifik Ciri-ciri Fizikal Menggunakan Teknologi LiDAR di Permatang Kuarza Gombak Selangor (PKGS) yang dijalankan bersama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kuala Lumpur;
III. Buku 'Coffee Table' Permatang Kuarza Gombak Selangor (PKGS) yang telah dilancarkan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor pada 28hb September 2015
IV. Kajian Pelan Pengurusan Pemuliharaan *'Conservation Management Plan'* (CMP) Permatang Kuarza Gombak Selangor (PKGS)

Selaras dengan itu, sebagai tambah nilai dalam usaha murni Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi berkaitan juga telah menjalankan beberapa program seperti :

I. Bengkel Kajian 'Conservation Management Plan' (CMP) Permatang Kuarza Gombak Selangor (PKGS) Bersama Agensi Pelaksana yang diadakan pada 26hb September 2016.

II. Bengkel Bersama Pakar Siri 1 Bagi Kajian 'Conservation Management Plan' (CMP) Permatang Kuarza Gombak Selangor (PKGS) yang diadakan pada 21hb Disember 2016.
III. Bengkel Bersama Pakar Siri 2 Bagi Kajian 'Conservation Management Plan' (CMP) Permatang Kuarza Gombak Selangor (PKGS) yang diadakan pada 3hb Februari 2017.

Sebagai halatuju/'way forward', kerajaan negeri telahpun mengenalpasti fasa-fasa perancangan dan pelaksanaan untuk memastkan tapak PKGS mendapat pengiktirafan Tapak Warisan Kebangsaan dan seterusnya Dunia iaitu dengan mempelbagaikan penerbitan dan kajian bagi menyokong OUV, menyediakan Pelan Pengurusan Pemuliharaan Tapak '*Conservation Management Plan'* (CMP) yang komprehensif, meningkatkan program kesedaran dan pendidikan komuniti setempat, menyediakan platform ilmiah (bengkel dan seminar), menggalakan pembangunan dan penyelidikan dan pembentangan di peringkat antarabangsa iaitu penyediaan DOSSIER dan Tentative List serta bekerjasama rapat dengan Jabatan Warisan Negara (JWN) untuk melancarkan proses mengikut Akta Warisan Kebangsaan 2005.

Tambah lagi, menerusi Rancangan Malaysia kesebelas (RMK11) 2016-2020, Kerajaan Negeri Selangor, secara dasarnya telah bersetuju dibawah program Warisan Negeri Selangor dengan mengenalpasti tiga (3) lagi tapak yang lain mempunyai 'Outstanding Universal Value' (OUV) untuk diangkat sebagai Tapak Warisan Kebangsaan. Tapak-tapak yang dimasudkan adalah ;

I. Bandar Kuala Kubu Bharu di Hulu Selangor yang merupakan bandar terancang pertama di Malaysia dengan konsep Bandar Taman yang berpotensi sebagai Tapak Warisan Bangunan Bersejarah;
II. Bukit Melawati di Kuala Selangor yang menyimpan aset warisan tinggalan sejarah lama berpotensi sebagai Tapak Warisan Bangunan Bersejarah; dan
III. Bandar Diraja Klang yang mempunyai nilai bangunan bersejarah menunjukkan perkembangan dan pembentukan bandar dan petempatan awal berpotensi juga sebagai Tapak Warisan Bangunan Bersejarah.

Di samping itu, Kerajaan Negeri juga akan memastikan tapak-tapak warisan yang mempunyai nilai terunggul ini akan terus terpelihara dan dipulihara untuk diangkat sebagai pengiktirafan negara dan seterusnya platform dunia. Tapak-tapak bernilai warisan ini harus dikekalkan dan dirancang secara holistik tanpa unsur-unsur atau pencerobohan yang boleh menganggu gugat dan menghilangkan nilai warisan yang telah terbentuk ratusan dan jutaan tahun dahulu. Kerajaan Negeri sangat konsisten dalam hal ini , dan menyeru semua pihak dan dari pihak Kerajaan mahupun rakyat untuk bersama –sama menghargai dan menjaga khazanah alam semulajadi ini agar tidak hilang dan musnah akibat dari perbuatan kita sendiri.

Bengkel Kajian 'Conservation Management Plan' (CMP) Permatang Kuarza Gombak Selangor (PKGS) Bersama Agensi Pelaksana Yang Diadakan Pada 26 September 2016.

Seramai 60 Orang peserta daripada pelbagai agensi yang terlibat dalam menjayakan bengkel ini antaranya ialah JMG Selangor, Jabantan Perhutanan Selangor, PERHILITAN Selangor, LUAS, MPAJ,MPS,UPEN, FRIM Selangor dan agensi teknikal yang lain. Selain itu, Pembentangan daripada pihak perunding yang dilantik Akitek Jururancang Malaysia dalam membentangkan hala tuju kajian dan pentingnya pelan pengurusan pemuliharaan kepada tapak Permatang Kuarza Gombak Selangor (PKGS) untuk diangkat sebagai tapak Warisan Kebangsaan dan Dunia.

Gambar disekitar
Bengkel Bersama Agensi Pelaksana Kajian CMP Permatang Kuarza Gombak

Bengkel Bersama Pakar Siri 1/2017 Kajian Conservation Management Plan (CMP) Permatang Kuarza Gombak Selangor (PKGS).

Bengkel ini telah diadakan selama 1 hari iaitu pada 21 Disember 2016. Seramai 40 orang peserta yang hadir daripada pelbagai agensi berkaitan dalam menjayakan bengkel tersebut. Turut hadir adalah (3) tiga orang pakar yang di jemput bagi memberikan pendapat di dalam kajian CMP Permatang Kuarza Gombak Selangor (PKGS) ini untuk dibawa ke Tapak Warisan Kebangsaan dan Tapak Warisan Dunia (UNESCO). Antara (3) tiga orang pakar tersebut adalah Y.Bhg. Prof. Dr. Yahaya Bin Ahmad dari Universiti Malaya (UM) Y.Bhg. Prof. Dr. Mohd Shafeea Leman dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Y.Bhg. Prof. Dr. A. Ghafar Ahmad dari Universiti Sains Malaysia (USM).

Gambar sekitar Bengkel Bersama Pakar Siri 1/2017
Kajian Conservation Management Plan (CMP) Permatang Kuarza Gombak Selangor

Bengkel Bersama Pakar Siri 2/2017 Kajian Conservation Management Plan (CMP) Permatang Kuarza Gombak Selangor (PKGS).

Bengkel ini telah diadakan selama 1 hari iaitu pada 3 Februari 2017. Seramai 15 orang peserta yang hadir daripada pelbagai agensi berkaitan dalam menjayakan bengkel tersebut. Turut hadir bersama adalah Jabatan Warisan Negara (JWN) bagi membantu untuk memberikan pengisian dalam penyediaan Pelan Pengurusan Pemuliharaan 'Conservation Management Plan' (CMP) Permatang Kuarza Gombak Selangor (PKGS).

Sekitar Bengkel Bersama Pakar Siri 2/2017
Kajian Conservation Management Plan (CMP) Permatang Kuarza Gombak Selangor

PENGAWALAN PERANCANGAN

Retreat Bahagian Pengawalan Perancangan

Retreat Bahagian Pengawalan Perancangan telah diadakan pada **17 hingga 19 Februari 2016** bertempat di **Concorde Inn, Klia, Sepang,Selangor.** *Retreat* ini diadakan adalah untuk merancang dan menyelaras sasaran kerja tahunan yang melibatkan semua lapisan pegawai bagi setiap unit.

Statistik Permohonan Perancangan Dari Bulan Januari Sehingga Disember 2016

Bagi tahun 2016, Jabatan telah menerima sebanyak **3,256 permohonan**. Daripada jumlah tersebut, permohonan tanah kerajaan merupakan permohonan yang paling banyak diproses iaitu **852 permohonan**. Bagi permohonan kebenaran merancang dari Pihak Berkuasa Tempatan adalah berjumlah **521 permohonan**. Perincian statistik permohonan adalah seperti berikut:

BIL.	KATEGORI	JUMLAH KESELURUHAN
1.	**ULASAN KEBENARAN MERANCANG (PBT)**	
	Kebenaran Merancang PBT	521
	Pelan Konsep Pembangunan	0
	Perakuan Semula Pelan Susunatur	1
2.	**ULASAN PERANCANGAN KEPADA PTD 1**	
	Permohonan Tanah Kerajaan	852
	Lesen Menduduki Sementara	387
	Tukar Syarat	539
	Permit Bahan Batuan	35
	Pajakan Tanah	37
3.	**ULASAN KEPADA PTD 11**	
	Permohonan Pecah Bahagian	3
	Permohonan Pecah Sempadan	4
	Permohonan Pelan Cantuman	1
	Permohonan Pelan Pra-Hitungan	2
	Permohonan Pelan Susunatur	1
	Serah Balik Kurnia Semula	74

BIL.	KATEGORI	JUMLAH KESELURUHAN
4.	**MAKLUMAT PERANCANGAN**	
	Penswastaan	0
	Pengambilan Balik Tanah	9
	Maklumat Perancangan	22
	Pewartaan Tanah Kerajaan	211
5.	**LAPORAN KEPADA KAJIAN**	
	Penilaian Kepada Alam Sekeliling (EIA)	4
	Kajian / Cadangan Pembangunan	17
6.	**LAIN-LAIN ULASAN**	
	Rayuan	28
	Peringatan	3
	Maklumat Tambahan	1
	Aduan	0
	Lain-lain	504
	JUMLAH KESELURUHAN	**3,256**

Jumlah Permohonan Mengikut Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

BIL	PBT	JUMLAH KESELURUHAN
1.	MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM	349
2.	MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA	163
3.	MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA	180
4.	MAJLIS PERBANDARAN KLANG	417
5.	MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA	160
6.	MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG	205
7.	MAJLIS PERBANDARAN KAJANG	488
8.	MAJLIS PERBANDARAN SEPANG	334
9.	MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR	316
10.	MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM	87
11.	MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT	261
12.	MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR	296
	JUMLAH KESELURUHAN	**3256**

Jumlah Permohonan Mengikut Pbt Januari Sehingga Disember 2016



Mesyuarat Ketua-Ketua One Stop Centre (OSC) Negeri Selangor

JPBD Negeri Selangor merupakan penyelaras kepada Mesyuarat Ketua-Ketua OSC peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor. Mesyuarat ini diadakan sebanyak dua (2) kali setahun bertujuan untuk memantau pelaksanaan OSC dan membincangkan isu-isu semasa di PBT Negeri Selangor. Pada tahun 2016, dua siri mesyuarat telah diadakan seperti berikut :-

1. **Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pelaksanaan Pusat Setempat (OSC) Di Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor Bil. 1/2016 bertarikh 13 April 2016**

   Membincangkan:
   i. Status Pencapaian OSC 3.0 bagi PBT di Negeri Selangor;
   ii. Status Pelaksanaan OSC Online di PBT – Pengalaman Majlis Perbandaran Sepang; dan
   iii. Penambahbaikan Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor (Edisi Ketiga).

2. **Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pelaksanaan Pusat Setempat (OSC) Di Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor Bil. 2/2016 bertarikh 16 November 2016**

   Membincangkan:
   i. Pemakluman Kelulusan Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor (Edisi Ketiga) oleh MMKN Bil, 35/2016 bertarikh 19 Oktober 2016.
   ii. Status Pencapaian OSC 3.0 bagi PBT di Negeri Selangor bagi tempoh 1 Januari 2016 hingga 31 Oktober 2016;
   iii. Status Pelaksanaan OSC Online di PBT – Pengalaman Majlis Bandaraya Shah Alam;
   iv. Pemakluman Pematuhan Syarat-Syarat Bagi Pencegahan dan Kawalan Serangga Pembawa Penyakit Di Bawah Seksyen 11 Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Akta 154) Di Tapak Bina Oleh Pemaju;
   v. Permasalahan yang dihadapi oleh unit-unit OSC di PBT boleh dipanjangkan kepada Kerajaan Negeri.

Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Negeri Selangor

Penubuhan Jawatankuasa ini adalah sebagai pemudah cara bagi mempertimbangkan permohonan-permohonan yang melibatkan pembangunan di kawasan berkecerunan Kelas III. Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar **dipengerusikan** oleh **Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor** dan JPBD Selangor sebagai urusetia.

Ahli-Ahli Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Negeri Selangor Adalah Seperti Berikut :-

BIL	JABATAN	JAWATAN
1.	**Pengarah Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Selangor**	**Pengerusi**
2.	Jabatan Mineral Dan Geosains Selangor/Wilayah Persekutuan	Ahli
3.	Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor	Ahli
4.	Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor	Ahli
5.	Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor	Ahli
6.	Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor	Ahli
7.	Jabatan Pengairan & Saliran Negeri Selangor	Ahli
8.	Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor	Ahli
9.	Pihak Berkuasa Tempatan Yang Berkaitan	Ahli
10	Pejabat Tanah Dan Daerah Yang Berkaitan	Ahli
11.	Kumpulan IKRAM Sdn. Bhd.	Ahli
12.	Lembaga Urus Air Selangor	Ahli
	Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Selangor	***Urusetia***

Nota : Jabatan-Jabatan Lain Yang Berkaitan Dengan Permohonan Akan Dijemput Hadir

Lawatan tapak bersama jabatan teknikal

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Negeri Selangor

Sehingga Tahun 2016, Jabatan telah mengadakan **6 kali mesyuarat dan 1 Kali Mesyuarat JTPKSAS Khas** bagi membincangkan **9 kertas permohonan** yang telah dikemukakan oleh pemohon seperti berikut :

BIL	MESYUARAT JTPKSAS	TARIKH MESYUARAT	BILANGAN KERTAS PERMOHONAN
1.	**Mesyuarat JTPKSAS Bil. 1/2016**	13/01/2016	0
2.	**Mesyuarat JTPKSAS Bil. 2/2016**	22/02/2016	2
3.	**Mesyuarat JTPKSAS Bil. 3/2016**	10/06/2016	2
4.	**Mesyuarat JTPKSAS Bil. 4/2016**	28/06/2014	1
5.	**Mesyuarat JTPKSAS Khas**	26/07/2016	1
6.	**Mesyuarat JTPKSAS Bil. 5/2016**	05/10/2016	2
7.	**Mesyuarat JTPKSAS Bil. 6/2016**	14/12/2016	1
JUMLAH KESELURUHAN			**9**

Perbincangan bersama jabatan teknikal

Manual Garis panduan & Piawaian Perancangan Negeri Selangor Edisi Ketiga

Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor (MGPPPNS) Edisi Ketiga ini adalah hasil dari semakan semula Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor (MGPPPNS) Edisi Kedua yang telah diluluskan di dalam **Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN)** ke 39/2010 pada 27hb. Oktober 2010 dan disahkan oleh MMKN ke 40/2010 pada 3 November 2010.

Keperluan semakan semula MGPPPNS Edisi Kedua adalah berikutan dari perubahan keadaan pembangunan dan perancangan semasa serta maklumbalas dari jabatan-jabatan teknikal, Juruperunding Perancang Bandar dan pemaju pembangunan hartanah Negeri Selangor. Penambahbaikan terhadap MGPPPNS diharap dapat membantu pelaksanaan perancangan yang lebih efisien seterusnya mempertingkatkan kualiti persekitaran dan kehidupan yang lebih sempurna selaras dengan visi Kerajaan Negeri Selangor iaitu 'Negeri Idaman, Maju, Sejahtera dan Berkebajikan'.

Penyediaan MGPPPNS Edisi Ketiga ini telah bermula sejak tahun 2014. JPBD Negeri Selangor telah berganding bahu bersama-sama 12 Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor, Jabatan-jabatan Teknikal berkaitan dan agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri menyediakan MGPPPNS Edisi Ketiga ini. Selari dengan prinsip perancangan bersama rakyat, peduli rakyat dan Smart Selangor, proses perundingan juga mengambil kira pandangan daripada pihak pemaju, juruperunding bandar, Badan Bukan Kerajaan (NGO), badan-badan profesional seperti Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP), Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM), Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM), Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) dan pihak-pihak berkepentingan.

MGPPPNS ini merangkumi hampir kesemua aspek utama perancangan dan pemajuan hartanah yang terdiri dari perumahan, perdagangan, perindustrian, kemudahan masyarakat, aspek alam sekitar dan infrastruktur serta utiliti. Ia dipersembahkan dengan cara yang mudah dirujuk dan lebih bersifat 'user friendly'. MGPPPNS ini akan menjadi rujukan utama dalam proses kebenaran merancang dan permohonan perancangan yang lain.

Satu Bengkel Semakan Draf Manual Garis Panduan Dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor (Edisi Ketiga) yang melibatkan semua PBT di Negeri Selangor dan Jabatan/Agensi Teknikal telah diadakan pada 25-27 April 2016 untuk memuktamadkan draf MGPPPNS tersebut.

MGPPPNS Edisi Ketiga ini telah diangkat dan diluluskan pemakaiannya untuk semua Pihak Berkuasa Tempatan, Agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan, Pemaju Hartanah, Perunding Perancang Bandar dan pihak-pihak berkaitan **di Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 35/2016 pada 19 Oktober 2016 dan disahkan di MMKN ke 36/2016 pada 26 Oktober 2016.**

Lanjutan daripada itu, bersempena dengan sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Negeri Selangor Tahun 2016, **MGPPPNS Edisi Ketiga telah dilancarkan secara rasmi oleh YAB Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali, Dato' Menteri Besar Selangor pada 29 November 2016 bertempat di Setia City Convention Centre, Setia Alam.**

Adalah diharapkan MGPPPNS Edisi Ketiga ini dapat digunakan secara berkesan dan menyeluruh bagi meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat. Adalah menjadi harapan Kerajaan Negeri Selangor, supaya garis panduan ini menjadi rujukan utama untuk menimbang permohonan-permohonan perancangan di dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor.

Lawatan Tapak ke (AP 68 - AP 72) Talian Penghantaran 500kv dari PMU Tapah ke PMU Bentong *South* (Daerah Hulu Selangor)

Lawatan tapak ini merupakan lanjutan daripada mesyuarat yang dipengerusikan oleh YB Elizabeth pada **24 Mei 2016** bagi menyelesaikan isu untuk memuktamadkan jajaran talian penghantaran 500kV daripada PMU Tapah ke PMU Bentong South (Negeri Selangor) yang melibatkan AP59 – AP72 seperti yang diarahkan oleh YAB Menteri Besar dalam mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor pada **19 Mei 2016**. ianya melibatkan beberapa wakil teknikal antaranya adalah Jabatan Perancangan Bandar & Desa (JPBD) sebagai Koordinator, Pejabat Tanah & Galian (PTG) Selangor, Pejabat Tanah & Daerah Hulu Selangor (PTD HS), Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS), Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS), Jabatan Perairan & Saliran (JPS),Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Jabatan Perikanan dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).



Jajaran Talian Penghantaran 500kV daripada PMU Tapah ke PMU Bentong South. Jajaran **warna merah** ialah jajaran asal, **warna biru** ialah jajaran yang yang dipinda oleh MMKN pada **6 Jan 2016**. AP37-AP59 adalah seperti kelulusan MMKN 6 Jan 2016 di mana Warta Seksyen 8, Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960 telahpun diluluskan pada **7 April 2016**. Pindaan pada *Angle Point* (AP) 59-AP72 tidak disokong oleh pihak LUAS atas faktor melalui kawasan besar tadahan air Empangan Hulu Selangor.

Perjalanan ke AP68 daripada kawasan perkelahan Sg Peretak. Peserta lawatan berjalan kaki merentasi kawasan berhutan dan berbukit dan mengambil masa sekitar 2 jam untuk sampai ke AP68.

LEMBAGA RAYUAN NEGERI SELANGOR

Pada 30 September 1999, Kaedah Lembaga Rayuan Negeri Selangor telah diwartakan. Lembaga Rayuan Negeri Selangor ditubuhkan di bawah seksyen (36), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh sub seksyen 36 (2) Akta 172, Pihak Berkuasa Negeri Selangor dengan persetujuan Menteri Besar telah melantik Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli-Ahli Lembaga Rayuan Selangor.

AHLI-AHLI LEMBAGA RAYUAN NEGERI SELANGOR TAHUN 2016

JAWATAN	NAMA
Pengerusi	Y.Bhg. Dato' Abu Bakar Bin Awang
Timbalan Pengerusi	Y.Bhg. Tuan Hj. Nordin b. Sulaiman
Ahli Lembaga Rayuan	Y. Bhg. Dato' Azmeer Bin Rashid
Ahli Lembaga Rayuan	Y. Bhg. Dato' Hj. Abd. Mutallib Bin Jelani
Ahli Lembaga Rayuan	Y. Bhg. Datin Teh Zawahir Bt. Abdul Malek
Ahli Lembaga Rayuan	Y.Bhg. Tuan Ho Khong Ming
Ahli Lembaga Rayuan	Y. Bhg. Prof. Ezrin Arbi
Ahli Lembaga Rayuan	Y. Bhg. Puan Hjh. Norasiah Bt. Yahya
Ahli Lembaga Rayuan	Y. Bhg. Tuan. Tinakaran a/l Karuppiah
Pendaftar	En. Nur Hisham bin Sharuddin

Nota : Ahli-ahli Lembaga Rayuan Negeri Selangor telah dikekalkan semula sehingga Disember 2016 melalui proses perlantikan.

Ahli lembaga rayuan bergambar bersama Menteri Besar Selangor

JUMLAH KES DAN PROSIDING LEMBAGA RAYUAN TAHUN 2016

BIL	PERKARA	JUMLAH
1.	**Kes Selesai**	7
2.	**Kes Pendengaran**	1
3.	**Kes Sebutan**	2
4.	**Kes Tarik Diri**	6
5.	**Kes Pendaftaran**	4
6.	**Kes Tangguh**	0
JUMLAH KESELURUHAN		**20**

JUMLAH KES LEMBAGA RAYUAN TAHUN 2016 MENGIKUT PIHAK BERKUASA TEMPATAN

BIL	PERKARA	JUMLAH
1.	**Majlis Bandaraya Petaling Jaya**	8
2.	**Majlis Bandaraya Shah Alam**	0
3.	**Majlis Perbandaran Subang Jaya**	6
4.	**Majlis Perbandaran Klang**	2
5.	**Majlis Perbandaran Ampang Jaya**	0
6.	**Majlis Perbandaran Kajang**	2
7.	**Majlis Perbandaran Selayang**	1
8.	**Majlis Perbandaran Sepang**	0
9.	**Majlis Daerah Kuala Langat**	0
10.	**Majlis Daerah Kuala Selangor**	0
11.	**Majlis Daerah Hulu Selangor**	0
12.	**Majlis Daerah Sabak Bernam**	1
JUMLAH KESELURUHAN		**20**

08 |

PENGURUSAN LATIHAN

Pengurusan Latihan

Tahun 2016, Jabatan telah menghantar dan menguruskan pelbagai lapisan pegawai menyertai latihan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mengikut keperluan dan kesesuaian jawatan setiap pegawai. Walau bagaimanapun merujuk surat bil. JPA(I)S.175/4/1-1 Klt.22 (38) bertarikh 29 Februari 2016, keperluan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005 (Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam) yang menghendaki semua lapisan pegawai mencapai sekurang-kurangnya tujuh (7) hari berkursus ***adalah ditangguhkan***. **Seramai 59 orang daripada 106 orang atau 55% lapisan pegawai telah memenuhi dasar sekurang-kurangnya 7 hari berkursus.**

Lawatan Ke Luar Negara

Jabatan telah memberi peluang kepada pegawai-pegawai untuk menyertai lawatan sambil belajar sebagai pendedahan bagi meningkatkan ilmu pengetahuan untuk diaplikasi di dalam bidang kerja masing-masing.

Bil.	Tarikh	Tujuan lawatan	Nama negara	Tempoh lawatan
1.	23-25 Mac 2016	Misi promosi penggalakan pelaburan Negeri Selangor dan lawatan kerja teknikal ke Bangkok, Thailand anjuran Invest Selangor.	Bangkok, Thailand	3 hari
2.	1-3 Jun 2016	Lawatan teknikal sempena Mesyuarat Pengarah Negeri JPBD Semenanjung Malaysia Bil. 2/2016	Singapura	1 hari (2 Jun 2016)
3.	25-29 September 2016	Lawatan kerja ke Bandar Yinchuan dan Shenzen, China bersama Y.B Tuan Nik Nazmi bin Tuan Ahmad, Exco Kerajaan Negeri Selangor	China	5 hari

Kunjungan dari Pelawat Luar

JPBD Negeri Selangor turut menerima kunjungan dari pelawat luar, selaras dengan hasrat untuk menjadikan jabatan sebagai "Centre of Reference". antara kunjungan dari pelawat luar adalah :

1. Lawatan rasmi Y.Bhg. Dato' Dr. Dolbani bin Mijan, Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor pada 10 Februari 2016.
2. Kunjungan hormat REHDA pada 18 April 2016.
3. Lawatan kerja Jabatan Tanah dan Survei Sarawak pada 24 Mei 2016.
4. Program Hari Bertemu Pelanggan Peringkat Pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Bil. 2/2016 pada 12 dan 13 November 2016.
5. Lawatan kerja dari JPBD Terengganu pada 5 Disember 2016.
6. Lawatan akademik dari Fakulti Pengajian Alam Sekitar, UPM Serdang pada 9 Disember 2016.

Kunjungan lawatan dari REHDA pada 18 April 2016 di Bilik Mesyuarat Tingkat 17.

Kunjungan lawatan dari Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Sarawak pada 24 Mei 2016 di Bilik Persidangan Tingkat 18.

Kunjungan lawatan dari Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Terengganu pada 5 Disember 2016 di Bilik Persidangan Tingkat 18.

09 |

PENGANUGERAHAN

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Peringkat Jabatan bagi Tahun 2015

Jabatan telah mengadakan **Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2015** pada **5 Ogos 2015.** Anugerah Perkhidmatan Cemerlang merupakan satu tanda pengiktirafan dan penghargaan Jabatan kepada pegawai-pegawai yang telah membuktikan kecemerlangan masing-masing.

Bil.	Nama Penerima	Jawatan
1.	**En. Rosly Bin Ahmad**	Pegawai Tadbir dan Diplomatik (M41)
2.	**Pn. Dezubaida Binti Salbani**	Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa (JA29)
3.	**Pn. Suzanah binti Abu Bakar**	Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa (JA29)
4.	**En. Zainal Abidin bin Arshad**	Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa (JA29)
5.	**Pn. Nurazawati binti Hassim**	Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa (JA29)
6.	**Pn. Zarifah Hanis binti Saad**	Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa (JA29)
7.	**En. Anuwaa bin Mohd Jalani**	Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa (JA29)
8.	**Pn. Darshan Kaur a/p Harbhajan Sigh**	Ketua Kerani Kewangan (W22)

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang telah menerima hadiah dan insentif seperti berikut :

i. Sijil Perkhidmatan Cemerlang
ii. Hadiah prestasi sebanyak RM 1,000.00
iii. Peluang dan keutamaan untuk memajukan kerjaya seperti menghadiri kursus, seminar atau persidangan yang boleh menyumbang kepada peningkatan prestasi kerja.
iv. Peluang dan keutamaan bagi pencalonan untuk menerima Pingat, Bintang dan Darjah Kebesaran Negeri

BARISAN PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2015

Dari kiri Pn. Suzanah binti Abu Bakar, Pn. Darshan Kaur a/p Harbhajan Sigh, En. Zainal Abidin bin Arshad, En. Rosly Bin Ahmad, En. Anuwaa bin Mohd Jalani, Pn. Dezubaida binti Salbani, Pn. Nurazawati binti Hassim, dan Pn. Zarifah Hanis binti Saad.

Anugerah Perkhidmatan 25 Tahun Berkhidmat Peringkat Jabatan bagi Tahun 2015



BARISAN PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN 25 TAHUN BERKHIDMAT

dari kiri : Pn. Junaidah binti Mustar, En. Mohd Nazli bin Yusof, En. Yahaya bin Tohid dan Pn. Sazlina binti Maan

Bil.	Nama Penerima	Jawatan
1.	**Pn. Sazlina binti Maan**	Pelukis Pelan (JA22)
2.	**Pn. Junaidah binti Mustar**	Pelukis Pelan (JA22)
3.	**En. Yahaya bin Tohid**	Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa (JA29)
4.	**En. Mohd Nazli bin Yusof**	Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa (JA29)

Anugerah Inovasi

Bil.	Anugerah	Peringkat	Tarikh
1)	**ANUGERAH EMAS** (KATEGORI HAK CIPTA), ANUGERAH HARTA INTELEK NEGARA (AHIN) 2016 KUALA LUMPUR.	**Kebangsaan**	2 Ogos 2016
2)	**ANUGERAH EMAS**, *WORLD INTELLECTUAL PROPERTY ORGANIZATION* (WIPO) 2016.	**Antarabangsa**	2 Ogos 2016
3)	**ANUGERAH EMAS**, *INTERNATIONAL CONVENTION ON QUALITY CONTROL CIRCLES (ICQCC) 2016 AT THE CENTARA GRAND IN BANGKOK, THAILAND*.	**Antarabangsa**	22 – 26 Ogos 2016
4)	**ANUGERAH KHAS**, *INTERNATIONAL CONVENTION ON QUALITY CONTROL CIRCLES (ICQCC) 2016,* MAJLIS APRESIASI INOVASI PERINGKAT NEGERI SELANGOR 2016.	**Negeri Selangor**	13 Oktober 2016
5)	**ANUGERAH DIAMOND**, *INTERNATIONAL QUALITY & PRODUCTIVITY CONVENTION* (IQPC) 2016, BALI INDONESIA.	**Antarabangsa**	6-10 November 2016

Ahli kumpulan INFYNYTY bergambar selepas majlis anugerah

10 |

PENGHARGAAN JABATAN

JASAMU DIKENANG

NAMA :
PN.NAZLEE BINTI MUSINAN

JAWATAN / GRED:
PEMBANTU TADBIR (N19)
TEMPAT PERTUKARAN :
PEJABAT TANAH DAN GALIAN

TARIKH PERTUKARAN :
16 SEPTEMBER 2016

PERTUKARAN PEGAWAI

NAMA :
PN. NORLELA BINTI NORDIN

JAWATAN / GRED :
PEMBANTU TADBIR (N19)

TEMPAT PERTUKARAN :
AUDIT DALAM (SUK)

TARIKH PERTUKARAN :
1 NOVEMBER 2016

PERSARAAN PEGAWAI

NAMA :
EN MOHD DORNI B. DAHALAN

JAWATAN / GRED :
PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA (JA29)

TARIKH PERLANTIKAN:
2 JANUARI 1980

TARIKH PERSARAAN:
15 JANUARI 2016

NAMA :
TN. HJ. MASRI B. MD. NASIR

JAWATAN / GRED :
PEMBANTU AM PEJABAT (N11)

TARIKH PERLANTIKAN:
1 NOVEMBER 1975

TARIKH PERSARAAN:
28 FEBRUARI 2016

NAMA :
EN JAAFAR BIN AWI

JAWATAN / GRED :
PEMBANTU AM PEJABAT (N11)

TARIKH PERLANTIKAN:
28 NOVEMBER 1975

TARIKH PERSARAAN:
15 JUN 2016

11 |

SELAYANG PANDANG

Penyampaian Kad Hari Lahir

Semua kakitangan Jabatan yang menyambut hari lahir diraikan melalui penyampaian kad hari lahir dan hadiah di dalam setiap perhimpunan bulanan Jabatan.

Penyampaian saguhati dan kad hari lahir

Program Pembangunan Insan dan Nilai Murni

Di antara Program Pembangunan Insan dan Nilai Murni sepanjang tahun 2016 anjuran Jawatankuasa Kerohanian adalah :

CERAMAH MAULIDUR RASUL

Tarikh : 8 Januari 2016 (Jumaat)
Tempat : Bilik Persidangan Tingkat 18 JPBD Selangor

Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB)

AKTIVITI AKRAB PADA TAHUN 2016

BIL	TARIKH/ HARI	TEMPAT	TAJUK CERAMAH / PROGRAM	PENCERAMAH/ DIURUSKAN OLEH	STATUS
1.	**15.01.2016 Dan 04.02.2016**	Bilik Mesy. Buginvilla, Ting.2, Bhg. Teknologi Maklumat, Bangunan SSAAS	Menyelaras Taqwin AKRAB Negeri Selangor	Unit Kaunseling, PSM,SUK Neg. Sel.	
2.	**04.05.2016**	Dewan Banquet MBSA Shah Alam	Program Anak Angkat AKRAB Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	Unit Kaunseling, PSM,SUK Neg. Sel.	**05.09.2016** Lantikan Dan Tauliah Dari Unit Kaunseling PSM, SUK Negeri Selangor
3.	**31.05.2016**	Hotel Western I-City, Seksyen 7, Shah Alam	Kursus Exit Policy Dan AKRAB Care	Semua Ahli AKRAB Neg. Sel. Dan Semua Lapisan Pegawai JA36 Ke Atas - 50 Orang	Program Ini Telah Dianjurkan Di Peringkat JPA Dan SUK Neg.Sel.

BIL	TARIKH/ HARI	TEMPAT	TAJUK CERAMAH / PROGRAM	PENCERAMAH/ DIURUSKAN OLEH	STATUS
4.	**03.08.2016**	PPAS, Seksyen 14, Shah Alam	Perlantikan AKRAB Care Negeri Selangor	Bhg.Pengurusan Psikologi, JPA	**Pn. Suzanah Binti Abu Bakar** No. Keahlian AKRAB : **A8120112** No.Perakuan Pengiktirafan AKRAB Care : **AC1600147**
5.	**15-17. 08.2016**	Hotel Grand Bluewave, Seksyen 14,Shah Alam	Kursus Pasca AKRAB 'Expressive Art Therapy'	Unit Kaunseling, PSM,SUK Neg. Sel.	**Kehadiran** Pn.Suzanah Binti Abu Bakar En. Khalimy Azhan Bin Md.Thani En. Shahrul Anuar Bin Abdul Rahim
6.	**05.09.2016**	Dewan Banquet MBSA Shah Alam	Majlis Pentaulihan & Anugerah AKRAB Negeri Selangor	Unit Kaunseling, PSM,SUK Neg. Sel.	**Peringkat Kerajaan Negeri Selangor** **Pentauliahan Ahli AKRAB :** En. Shahrul Anuar Bin Abdul Rahim **ANUGERAH Organisasi Inovasi:** JPBD Negeri Selangor **ANUGERAH AKRAB Individu Utama:** Pn.Suzanah Binti Abu Bakar

Pentauliahan Ahli AKRAB
En. Shahrul Anuar bin Abdul Rahim

Anugerah AKRAB Individu Utama
Pn. Suzanah binti Abu Bakar

Anugerah Organisasi Inovasi
JPBD Negeri Selangor

Kelab Sukan, Kebajikan dan Rekreasi JPBD Negeri Selangor

Pada **7 Mei 2016** Kelab Sukan, Kebajikan dan Rekreasi Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor telah mengadakan **Hari Keluarga Tahun 2016** yang telah diadakan di **Wet World Shah Alam** bagi meraikan kakitangan dan ahli keluarga kakitangan jabatan.

Gambar kenangan bersama ahli keluarga JPBD Negeri Selangor

13 | LENSA 2016

LAWATAN KETUA PENGARAH JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA SEMENANJUNG MALAYSIA - Y.Bhg. Dato' Dr. Dolbani b. Mijan.

Tarikh : 10 Februari 2016
Tempat : Bilik Persidangan Tingkat 18 JPBD Selangor

Y.Bhg. Dato' Dr. Dolbani b. Mijan menandatangani buku pelawat

Penyerahan cendarahati kepada Y.Bhg. Dato' Dr. Dolbani b. Mijan

Sesi penerangan tentang perkakasan UAV kepada Dato' Ketua Pengarah

PERLANTIKAN PENGARAH JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR YANG KE-13 – Tn. Hj Muhammad Ridzuan b. Arshad

Tarikh : 15 Februari 2016
Tempat : Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor

Ketibaan Tuan Pengarah di Bangunan Darul Ehsan disambut oleh Timbalan Pengarah dan barisan pegawai

Sesi bergambar bersama lapisan kakitangan JPBD Negeri Selangor

Sesi menandatangani surat perlantikan

Ucapan alu-aluan Tuan Pengarah

10 MINIT MARI MEMBACA

Tarikh : 25 April 2016
Tempat : Bilik Persidangan Tingkat 18 JPBD Selangor

Jabatan turut serta dalam **Program Membaca Selama 10 Minit** peringkat Negeri Selangor

Keadaan semasa program berlangsung

Program dirasmikan oleh Tn. Hj Che Rasid b. Hj Che Seman

Sesi bergambar setelah tamat program

HARI KELUARGA JPBD SELANGOR TAHUN 2016

Tarikh : 7 Mei 2016
Tempat : Wet World Shah Alam

Sesi pendaftaran para peserta

Gambar diantara keluarga yang hadir

Penyampaian hadiah cabutan bertuah kepada para pemenang

Penyampaian hadiah cabutan bertuah kepada para pemenang

Majlis penyampaian sumbangan kepada anak-anak ahli **Kelab Sukan, Kebajikan Rekreasi** oleh Tuan Pengarah

Acara tarik tali dalam air

Acara sukaneka

Anak-anak dihiburkan dengan kehadiran badut dan maskot

Gelagat ahli bersama keluarga

Ucapan Tuan Pengarah dan urus setia majlis

Gelagat peserta kanak-kanak diacara sukaneka

IFTAR DAN SOLAT TERAWIH BERJEMAAH 1438H

Tarikh : 9 Jun 2016
Tempat : Hotel Best Western I-City

Tazkirah dan penyampaian cenderahati kepada tuan penceramah

Gambar Majlis Berbuka Puasa

JAMUAN HARI RAYA 2016

Tarikh : 27 Julai 2016
Tempat : Bilik Persidangan Tingkat 18 JPBD Selangor

Majlis Hari Raya Jabatan

Lapisan kakitangan sedang menjamu selera

MESYUARAT RANGKA KERJA JABATAN 2016

Tarikh : 16-18 November 2016
Tempat : Amverton Cove Golf and Island Resort

Acara memanah dan
paintball

Aktiviti riadah selepas tamat mesyuarat

MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1438H PERINGKAT NEGERI SELANGOR

Tarikh : 12 Disember 2016 (Isnin)
Tempat : Stadium Malawati Shah Alam

Jabatan mengambil tempat di dalam perbarisan sempena Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1438H Peringkat Negeri Selangor.

Perarakan kontigen masuk ke Stadium Malawati

Keberangkatan DYMM Sultan Selangor bersama permaisuri ke majlis Sambutan Maulidur Rasul 1438H peringkat Negeri Selangor

Para peserta bergambar selepas menerima Anugerah Ketiga bagi Kategori Sepanduk

Penyatuan Dua Jiwa

EN. ABD. RAZAK BIN ALI
&
PN. SAFANORLAILA BINTI SALEHUDDIN

Tarikh perkahwinan :
19 Mac 2016

EN. MOHD DIAH BIN AMIN
&
PN. NAJAH ASIAH BINTI MASKURI

Tarikh perkahwinan :
28 Mei 2016

PN. SITI ZULAIKHA BINTI MOHD RADZI
&
EN. AZHAR BIN MD ISA

Tarikh perkahwinan :
10 September 2016

Anugerah Terindah

ARIQ AMSYAR BIN IBRAHIM

Tarikh Lahir:
19 Januari 2016
Nama Ibu:
Pn. Siti Munira Binti Che Mat

AWATIF DAMIA BINTI MOHD FAIZAL

Tarikh Lahir:
22 Jun 2016
Nama Ibu:
Pn. Salfarina Binti Salleh

MUHAMMAD AZFAR BIN MUHD AZRIN

Tarikh Lahir:
17 Ogos 2016
Nama Ibu:
Pn. Ain Shahada Binti Rozali

PUTERI JAUZA QUINZIA BINTI JAZRY

Tarikh Lahir:
19 September 2016
Nama Ibu:
Pn. Raja Linda Binti Raja Isa

MUHAMMAD AKMAL BIN ABDUL BARI

Tarikh Lahir:
24 September 2016
Nama Ayah:
En Abd. Bari Bin Kasmani

MUHAMMAD AISY SYAFI BIN MOHD NOOR SYAWAL

Tarikh Lahir:
16 November 2016
Nama Ayah:
En. Mohd Noor Syawal Bin Mustari

NUR AZRA SHAH BINTI AZLAN SHAH

Tarikh Lahir:
22 November 2016
Nama Ibu:
Pn. Maizan Binti Mazlan

DHAFWATUL AISY BINTI YAHAYA

Tarikh Lahir:
21 Disember 2016
Nama Ayah:
En. Yahaya Bin Tohid

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dan sumbangan bagi menjayakan penerbitan Laporan Tahunan 2016.

Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Selangor
Tingkat 15-18, Bangunan Darul Ehsan,
No. 3, Jalan Indah Seksyen 14,
40646 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
http://www.jpbdselangor.gov.my